

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Bil. (29) dlm. A.L.N.Kn.87/50

Kepada:

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1966

PERLANTIKAN PENJAGA DI BAWAH BAB 84 UNDANG-UNDANG TANAH KELANTAN TAHUN 1938

Oleh kerana berjalan kuatkuasa Kanun Tanah Negara Tahun 1965 yang membatalkan Undang-undang Tanah Kelantan Bilangan 26 Tahun 1938 beberapa masalah bersabit dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan menurut Undang-undang Tanah Kelantan telah timbul. Masalah itu wajiblah diatasi demi kepentingan kelincinan tadbiran tanah. Di antara lain-lain masalah itu bolehlah diringkaskan seperti di bawah ini:

- a) Cara menyelesaikan permohonan-permohonan melantik Penjaga di bawah Bab 84 Undang-undang Tanah Tahun 1938 yang telah dijalankan penyiasatannya akan tetapi belum disempurnakan lagi;
- b) Perlantikan sebagai Penjaga yang telah dibuat oleh Ketua Jajahan akan tetapi surat perintahan itu belum lagik didaftarkan sehingga pada 31hb Disember 1965;
- c) Cara memansuhkan perlantikan Penjaga oleh kerana di dalam Kanun Tanah Negara Bil. 56/65 perkataan Penjaga (Guardian) tidak dipakai sungguhpun mengikut Bab 344 daripada Kanun itu perlantikan Pemegang Amanah (Trustee) mungkin dibuat.

2. Jika sekiranya tuan ada mengalami atau menempuhi masalah-masalah seumpama yang di atas itu, maka hendaklah tuan mengambil tindakan seperti di bawah ini:-

Mengenai perenggan (a) di atas:

Permohonan-permohonan bagi melantik Penjaga yang belum disempurnakan tidak boleh dijalankan di bawah Bab 84, Undang-undang Tanah Tahun 1938. Masalah ini diselesaikan dengan menggunakan Bab 344 Kanun Tanah Negara dengan pendaftaran sebagai Pemegang Amanah seperti dalam bab ini.

Mengenai perenggan (b) di atas :

Lantikan sebagai Penjaga yang telah dibuat oleh Ketua Jajahan, jika sudah dikeluarkan borang di bawah Jadual 16 Undang-undang Tanah Melayu 1938, sebelum 1hb Januari, 1966 bolehlah terus didaftarkan sekarang, kerana perkara ini termasuk di Bab 13(c) Undang-undang Bilangan 7 Tahun 1948.

Mengenai perenggan (c) di atas:

Cara memansuhkan lantikan Penjaga yang telah dibuat di bawah 84 Undang-undang Tanah Kelantan 1938 hendaklah dibuat mengikut cara-cara yang di bawah Undang-undang itu juga dengan kuatkuasa Bab 13 (c) Undang-undang Bilangan 7 Tahun 1948.

t.t
(Hashim bin Aman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU:

2HB. MEI, 1966